

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007: Satu Pandangan

**Haslinda Mohd Anuar
Dr Harlida Abdul Wahab
Universiti Utara Malaysia**

Pengenalan

Isu pengurusan sisa pepejal merupakan salah satu masalah utama bagi negara-negara membangun. Malaysia tidak terkecuali daripada menanggung masalah ini. Menurut laporan Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, jumlah sisa pepejal yang dijana di Semenanjung Malaysia sahaja meningkat daripada 16,200 tan metrik sehari pada tahun 2001 kepada 19,100 tan metrik sehari pada tahun 2005. Jumlah ini dianggarkan akan meningkat ke 30,000 tan sehari pada tahun 2020. (Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2008.)

Kertas kerja ini membincangkan beberapa isu perundangan berhubung dengan peruntukan yang terkandung dalam Akta Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) yang diluluskan dan diwartakan pada bulan Ogos 2007.

Latar Belakang Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia

Pengurusan sisa pepejal melibatkan enam elemen asas iaitu penjanaan, pentoran, pengutipan, pengangkutan, rawatan dan pelupusan. Di Malaysia, peringkat pengurusan sisa pepejal boleh dibahagikan kepada tiga peringkat utama iaitu kawalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penswastan interim dan penyeragaman di bawah Kerajaan Persekutuan.

(1) Kawalan Penuh PBT

Sehingga tahun 1998, pengurusan sisa pepejal diuruskan oleh PBT mengikut negeri. Keadaan negara yang pesat membangun meningkatkan kuantiti sisa pepejal yang dijana menyebabkan kos pengurusan sisa pepejal turut meningkat. Proses pengutipan, pengangkutan dan pembinaan fasiliti untuk merawat dan melupus sisa pepejal di samping masalah tempat pelupusan turut menyumbang kepada peningkatan kos PBT. Pada masa yang sama, masyarakat semakin peka ke atas isu-isu alam sekitar menyebabkan masalah sisa pepejal mendapat perhatian umum.

(2) Penswastan interim

Pada saat masyarakat semakin peka dengan isu alam sekitar termasuk masalah sisa pepejal, kerajaan mengemukakan saranan terhadap penswastan pengurusan sisa pepejal di Semenanjung Malaysia, iaitu bermula pada tahun 1995. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengurusan sisa pepejal. Kerajaan Persekutuan berhasrat melaksanakan penswastan interim pengurusan sisa pepejal mengikut kawasan geografi iaitu Kawasan Tengah dan Timur, Kawasan Utara, Kawasan Selatan, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Penswastan secara interim ini dilaksanakan bermula April 1998.

(3) Penyeragaman Sistem

Oleh kerana keberkesanan dan kecekapan pengurusan sisa pepejal masih menjadi isu utama, pada tahun 2007, Kerajaan Persekutuan menggubal dan mewartakan Akta Pengurusan Sisa

Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) bagi memindahkan tanggungjawab pengurusan sisa pepejal daripada PBT kepada kerajaan pusat.

Latar Belakang Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)

Tujuan Akta 672 adalah untuk mengadakan peruntukan dan mengawal selia pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam bagi maksud penyelenggaraan kebersihan dan perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini berhasrat mewujudkan keseragaman undang-undang dan dasar bagi membuat undang-undang berhubung dengan pengawalan dan penyeliaan berkaitan dengan pengurusan sisa pepejal dengan memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan bagi mengambilalih pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam daripada PBT. Had penguatkuasaan dan pemakaian Akta ini terhad kepada negeri-negeri di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan. Dengan wujudnya Akta ini, terdapat dua badan utama yang bertanggungjawab melaksanakan objektif Akta: (a) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; dan (b) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

(a) Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN)

JPSPN ditubuhkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Jabatan ini bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara berikut:

- (i) menggubal dasar, peraturan, garis panduan dan lain-lain yang berkaitan;
- (ii) merangka pelan perancangan strategik dan merancang pengurusan sisa pepejal bersepadu di peringkat makro;
- (iii) menetapkan standard, spesifikasi dan tata amalan;
- (iv) memberi lesen perkhidmatan dan kemudahan perkhidmatan sisa pepejal serta pembersihan awam.
- (v) sebagai *regulatory body* bagi memastikan penyampaian perkhidmatan perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam dilaksana secara bersepadu, cekap dan kos efektif dengan memelihara sumber alam, memelihara alam sekitar, menjamin kesihatan serta meningkatkan kualiti hidup masyarakat.

(b) Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA)

PPSPPA adalah sebuah badan berkanun, juga di bawah KPKT, yang ditubuhkan melalui Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 673). Perbadanan ini merupakan organisasi yang ditubuhkan khusus untuk mentadbir dan menguatkuasa Akta 672. Selepas Akta 672 dikuatkuasakan, semua kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam termasuk pengambilalihan pengurusan dan operasi semua tapak pelupusan yang diuruskan oleh PBT di samping mengenalpasti dan menilai tapak pelupusan sanitari, stesen pemindahan, teknologi insinerator dan pengurusan loji.

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)

Sebelum menghuraikan lebih lanjut peruntukan di bawah Akta, beberapa istilah perlu diberi tafsiran. “Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal” ditafsirkan sebagai “pengasingan, penstoran, pengangkutan, pemindahan, pemprosesan, pengitaran semula, pengolahan dan pelupusan sisa pepejal terkawal”; “sisa pepejal” pula adalah: “(a) apa-apa bahan sekerap atau lebihan yang tidak dikehendaki akibat dari penggunaan apa-apa proses; (b) benda-benda yang perlu dilupuskan kerana pecah, lusuh, tercemar atau rosak; atau (c) apa-apa bahan yang dikehendaki pihak

berkuasa untuk dilupuskan.” “Sisa pepejal” juga boleh termasuk “sisa pepejal awam, sisa pepejal import, sisa pepejal isi rumah, keinstitusian, sisa pepejal pembinaan, komersial, perindustrian, terkawal dan yang boleh dikitar semula”, manakala “perkhidmatan pengurusan pembersihan awam” ditakrifkan sebagai “pengasingan, penstoran, pemungutan, pengangkutan, pemindahan, pemprosesan, pengitaran semula, pengolohan dan pelupusan sisa pepejal terkawal”. Di samping itu “sisa pepejal terkawal” pula adalah “apa-apa sisa pepejal yang tergolong dalam mana-mana kategori berikut: sisa pepejal komersial, sisa pepejal pembinaan, sisa pepejal isi rumah, sisa pepejal perindustrian, sisa pepejal keinstitusian, sisa pepejal import, sisa pepejal awam, atau sisa pepejal yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

(a) Perjanjian mengenai perkhidmatan Pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam

Menurut peruntukan, apabila Akta mula berkuatkuasa, kerajaan persekutuan mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian dengan mana-mana orang yang diberi kuasa untuk mengusaha, mengurus, mengendali dan menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal atau pembersihan awam. Pada ketika ini, tiga buah syarikat telah dilantik melalui perjanjian konsesi bagi menjalankan pengurusan sisa pepejal iaitu Alam Flora Sdn. Bhd. (Selangor, Pahang, Kelantan, Terengganu, WP Kuala Lumpur & WP Putrajaya); Southern Waste Management Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan, Melaka, Johor) dan E-Idaman Sdn. Bhd. (Perak, Kedah, Pulau Pinang, Perlis).

(b) Pentadbiran

Dari aspek pentadbiran, lantikan Ketua Pengarah (KP), Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai lain dibuat oleh Menteri. Fungsi dan kuasa KP adalah:

- (i) Mencadangkan dasar, rancangan & strategi PSP;
- (ii) Merumus rancangan bagi PSP;
- (iii) Menetapkan standard, spesifikasi & tataamalan berhubung PSP;
- (iv) Mengawalselia peruntukan Akta;
- (v) Memberi lesen & kelulusan; dan
- (vi) Menjalan aktiviti lain yg berkaitan.

Menteri turut berhak beri arahan kepada KP.

(c) Kelulusan bagi Pembinaan, Pengubahan, Penutupan Kemudahan Pengurusan sisa pepejal

Setiap kemudahan pengurusan sisa pepejal yang dibina mesti mendapat kelulusan pelan/spesifikasi secara bertulis dari KP. Jika perlu berlaku pengubahan terhadap kemudahan tersebut, ia hendaklah tidak boleh menyentuh prestasi kemudahan pengurusan sisa pepejal; memberi kesan buruk kepada alam sekitar; menghalang kualiti dan tahap perkhidmatan pengurusan sisa pepejal; memudaratkan kesihatan awam; atau menyentuh keseluruhan perancangan pengurusan sisa pepejal.

(d) Prosedur Kelulusan

Permohonan untuk mendapat kelulusan KP mesti dikemukakan kepada Perbadanan terlebih dahulu. Perbadanan akan mengemukakan syor bertulis kpd KP sama ada kelulusan patut diberikan atau tidak. Syor ini perlu turut menyatakan sebab atau sebarang syarat khas yang patut bagi kelulusan yang akan diberikan. Secara ringkas, KP mempunyai kuasa bagi:

- (i) melulus atau tidak meluluskan permohonan setelah mengambilkira syor Perbadanan;
- (ii) mengkaji semula kelulusan yang telah dibuat (atas syor Perbadanan); dan
- (iii) membenar atau menolak permohonan untuk menutup kemudahan pengurusan sisa pepejal (atas syor Perbadanan).

Daripada kuasa KP ini, timbul persoalan sejauhmanakah kuasa Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal khususnya KP dalam membuat kelulusan permohonan memandangkan kuasa KP masih tertakluk kepada syor yang dibuat oleh Perbadanan.

(e) Pelesenan

Hanya pemegang lesen berhak untuk mengusaha/menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal; mengurus dan mengendali kemudahan pengurusan sisa pepejal; atau mengusaha atau menyediakan perkhidmatan pengurusan pembersihan awam. Pemegang lesen juga mesti mengikut syarat lesen. Selain itu, pemberian lesen adalah bersifat peribadi; ia tidak boleh dipindahmilik, disub-lesenkan, diserahkan kepada sesiapa sahaja kecuali dengan kelulusan bertulis KP.

Berhubung dengan pegangan lesen, dalam kes tertentu, Menteri boleh, atas syor KP, mengecualikan seseorang dari kehendak pelesenan. Maka persoalan timbul adalah apakah kes-kes yang kemungkinan menyebabkan seseorang terkecuali dari memegang lesen? Pada masa yang sama, kuasa menteri dan/ atau KP boleh disifatkan terlalu besar sehingga boleh mengecualikan mana-mana orang dari memegang lesen.

Untuk tujuan pelesenan, atas syor Perbadanan, KP mempunyai kuasa sama ada untuk memberi atau enggan memberi lesen. Apabila diluluskan, pemegang lesen perlu membayar fi dan mengikut syarat yang ditetapkan seperti kekerapan perkhidmatan, tempoh lesen, jenis sisa pepejal terkawal, hak dan kewajipan pemegang lesen dan sebagainya. KP boleh membatalkan atau menggantung lesen, atas syor Perbadanan jika:

- (i) pemegang lesen gagal mematuhi peruntukan dan peraturan Akta;
- (ii) pemegang lesen gagal mematuhi syarat lesen;
- (iii) pemegang lesen mendapat lesen secara menyalahi undang-undang; dll.

Di sini sekali lagi timbul isu berhubung dengan kuasa Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal khususnya KP dan Perbadanan.

(f) Caj

Menteri akan tetapkan fi, caj atau levi sisa pepejal terkawal yang akan dibayar oleh pemunya, penghuni, PBT atau mana-mana orang lain atas perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang diberi. Timbul persoalan di sini berhubung dengan caj atau fi ke atas PBT. Atas dasar apa kemungkinan caj atau fi dikenakan kepada PBT.

Selain itu, melalui perintah, Menteri boleh memberi kuasa kepada Perbadanan atau syarikat konsesi untuk menuntut, memungut dan menyimpan caj sisa pepejal terkawal atas perkhidmatan yang diberikannya. Perbadanan atau syarikat konsesi juga boleh mendapatkan caj tambahan bagi pembayaran lewat pada kadar yang ditetapkan oleh Menteri. Caj yang dikenakan oleh

Perbadanan/ syarikat konsesi ini menimbulkan isu kerana pada masa yang sama pengguna (iaitu rakyat) dikenakan cukai pintu oleh PBT yang kos pengurusan sisa pepejal sebelum ini dianggap dibayar oleh pelanggan melalui cukai ini.

(g) Tribunal Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal

Dari segi keanggotaan, Tribunal perlu terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan dan sekurang-kurangnya 5 anggota lain yang dilantik oleh Menteri dengan tempoh lantikan selama tiga tahun. Lantikan semula boleh dibuat namun tidak lebih tiga tempoh berturut-turut. Persoalan yang timbul di sini adakah anggota Tribunal boleh dilantik melebihi tiga tempoh jika mereka tidak dilantik secara berturut-turut?

Menurut Akta, “orang yang berkepentingan” boleh membawa dan diambil tindakan di Tribunal Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal. Akta pula mendefinisikan “orang yang berkepentingan” sebagai Perbadanan, pemegang lesen, pemunya, penghuni, PBT dan penghasil sisa pepejal. Jika diperhatikan, hanya pihak yang berkepentingan sahaja yang dibenarkan untuk mengambil dan diambil tindakan sedangkan antara pihak lain yang mungkin terlibat dalam perkhidmatan pengurusan sisa pepejal ini ialah syarikat konsesi yang dilantik oleh kerajaan persekutuan. Timbul persoalan di sini mengapa syarikat konsesi tidak termasuk sebagai orang yang berkepentingan yang boleh mengambil tindakan atau diambil tindakan di Tribunal sedangkan ia berhak mengenakan caj?

Bidangkuasa Tribunal adalah untuk mendengar tuntutan yang tidak melebihi RM50,000. Walau bagaimanapun tuntutan melebihi RM50,000 dibenarkan jika wujud perjanjian yang membenarkan Tribunal mendengarnya. Di samping itu penentang juga boleh membuat pembelaan atau tuntutan balas dan Tribunal boleh mendengar dan memutuskan tuntutan balas walaupun tuntutan asal telah ditarikbalik, ditinggalkan atau dibatalkan. Namun Tribunal ini mempunyai had bidangkuasanya iaitu tuntutan yang boleh didengar adalah tuntutan caj, fi atau levi oleh pemegang lesen atau perbadanan, pertikaian yang berbangkit daripada caj, fi atau levi antara pemegang lesen atau perbadanan dan pemunya atau penghuni atau PBT atau penghasil sisa pepejal, bukan tuntutan berkaitan kecederaan diri atau kematian. Tuntutan tidak boleh dibahagi atau lebih daripada satu tuntutan atas perkara yang sama terhadap pihak yang sama.

Award oleh Tribunal hendaklah dibuat dalam masa 60 hari dari tarikh pendengaran bermula dan dalam bentuk pembayaran wang, pampasan atas kerugian, kos, bunga atas award sebanyak 8% setahun atau tuntutan ditolak.

(h) Pengambilalihan Kawalan

Pengambilalihan boleh dibuat dua cara: Pertama, pemegang lesen memaklumkan kepada perbadanan bahawa ia tidak solven; atau kedua, Perbadanan berpuas hati bahawa lesen pemegang lesen telah dibatalkan tetapi pemegang lesen masih beroperasi, pemegang lesen melanggar arahan perbadanan secara serius, pemegang lesen tidak solven, atau pemegang lesen melanggar peruntukan Akta secara serius. Dalam keadaan tersebut Perbadanan boleh menghendaki pemegang lesen mengambil tindakan tertentu, menyingkir pegawai pemegang lesen, menyingkir pengarah pemegang lesen dan menggantikan dengan pengarah baru, atau melantik penasihat kepada pemegang lesen untuk mengendalikan perniagaannya. Demi kepentingan awam, perbadanan boleh mengesyorkan kepada Menteri supaya Perbadanan

mengambil alih kawalan keseluruhan atau sebahagian perniagaan pemegang lesen, melantik orang lain untuk menjalankan perniagaan itu bagi pihak perbadanan atau supaya belanja perbadanan dan saraan orang yang dilantik ditanggung daripada aset pemegang lesen. Walau bagaimanapun, pemegang lesen berpeluang untuk membuat representasi sebelum perintah pengambilalihan kawalan dikeluarkan.

Peruntukan pengambilalihan kawalan ini juga menunjukkan wujudnya percanggahan bidangkuasa antara KP dan Perbadanan. Contohnya, walaupun lesen pemegang lesen telah dibatalkan oleh KP dan pemegang lesen masih beroperasi, Perbadanan masih boleh memberi peluang kepada pemegang lesen untuk meneruskan perniagaannya dengan syarat-syarat tertentu termasuk membenarkan representasi dibuat sebelum perintah pengambilalihan kawalan dikeluarkan. Tidak wujud sebarang peruntukan, pada peringkat ini, berkaitan penamatan perkhidmatan pemegang lesen tersebut atau pelantikan pemegang lesen yang baru.

(i) Kawalan ke atas penghasil sisa pepejal dan orang yang memiliki sisa pepejal terkawal

Akta 672 memperuntukan beberapa bentuk kawalan ke atas penghasil sisa pepejal dan orang yang memiliki sisa pepejal terkawal seperti:

- (1) Larangan longgokan sisa pepejal terkawal tanpa kebenaran
- (2) Larangan pelepasan sisa pepejal terkawal yang tidak dibenarkan
- (3) Meletakkan sisa pepejal di dalam bekas atau di tapak longgokan sisa pepejal terkawal
- (4) Kuasa untuk mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal diasingkan, dikendalikan dan distorkan
- (5) Kuasa untuk mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal dialihkan
- (6) Kuasa untuk mengarahkan supaya sisa pepejal terkawal yang dilonggokkan atau dilupuskan dengan menyalahi undang-undang dialihkan
- (7) Kesalahan kerana menyebabkan kerosakan kepada kenderaan, bekas atau kemudahan pengurusan sisa pepejal

Isu yang kemungkinan timbul di sini adalah penguatkuasaan. Contohnya, jika sisa pepejal dilonggok dengan menyalahi undang-undang, notis tiga hari akan dikeluarkan sama ada ke atas penghuni premis, orang yang melonggokkan sisa atau penghasil sisa. Tanpa kawalan sepenuh masa, sukar untuk mengenalpasti pihak/orang yang melonggokkan sisa berkenaan. Sudah pasti notis tersebut akan diberikan kepada penghuni premis, yang mana kemungkinan kesalahan tersebut bukan dilakukan olehnya.

(j) Penguatkuasaan

Bagi menjalankan penguatkuasaan Akta, KP hendaklah melantik pegawai PBT atau pegawai perbadanan sebagai pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan tindakan-tindakan berikut:

- (a) penguatkuasaan
- (b) penyiasatan
- (c) penggeledahan dan penyitaan dengan waran dan tanpa waran
- (d) Capaian kepada data komputer
- (e) Kuasa untuk memberhentikan, menggeledah dan menyita kenderaan
- (f) Kuasa untuk menghendaki kehadiran dan pemeriksaan orang yang mempunyai pengetahuan tentang kes

KP atau Perbadanan juga boleh menetapkan jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan. Sebagaimana yang diketahui, dengan pelaksanaan Akta ini, bidangkuasa pengurusan sisa pepejal yang sebelum ini diuruskan oleh PBT telah beralih kepada Perbadanan. Namun Akta masih memperuntukan bahawa tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh PBT. Ini akan menimbulkan masalah pelaksanaan tugas yang bukan dalam bidangkuasa asalnya juga masalah kekurangan kakitangan penguatkuasa di pihak PBT.

(k) Pengurangan dan mendapatkan semula sisa pepejal terkawal

Bagi maksud mengurangkan, mengguna semula dan mengitar semula sisa pepejal terkawal, Menteri boleh menghendaki penghasil sisa pepejal untuk mengurangkan penghasilan sisa pepejal terkawal; mana-mana orang untuk menggunakan bahan yang mesra alam; menggunakan bahan kitar semula bagi keluaran tertentu; menghadkan penghasilan, pengimportan, kegunaan, pengeluaran atau pelupusan keluaran/bahan tertentu; pelaksanaan kod dan pelabelan bagi keluaran/bahan untuk menggalakkan pengitaran semula; penggunaan apa-apa kaedah untuk mengurangkan kesan buruk sisa pepejal terkawal pada alam sekitar; dan penggunaan apa-apa kaedah untuk mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula sisa pepejal terkawal .

Menteri, melalui perintah, boleh mewujudkan sistem terima balik yang menghendaki keluaran yang telah digunakan diterima balik oleh pengeluar dan lain-lain dan supaya mereka menanggung kos untuk mengitar semula keluaran tersebut, mana-mana orang hendaklah menghantar keluaran kepada pengeluar dan lain-lain; dan mana-mana pengedar keluaran untuk terima dan menstorkan keluaran yang diterima balik. Menteri juga boleh, melalui perintah, mewujudkan sistem bayaran balik deposit dan menentukan keluaran tertentu, amaun bayaran deposit, pelabelan keluaran; dan obligasi pengedar keluaran. Peruntukan berkaitan dengan penggunaan semula atau kitar semula sisa pepejal amat dialu-alukan bagi menggalakkan program kitar semula.

(l) Peruntukan Am

Ketua Pengarah dan pegawai lain diberi perlindungan oleh Akta 672 yang mana tindakan atau pendakwaan tidak boleh dibawa terhadap KP, Timbalan KP, penolong pengarah atau pegawai yang melakukan perbuatan bagi maksud melaksanakan Akta ini dan termasuk mana-mana orang yang diperintah, diarah atau disuruh oleh KP jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati dan dengan kepercayaan yang munasabah. Perlindungan yang diberikan oleh Akta ini kepada KP dan pegawai yang berkaitan menunjukkan mereka mempunyai kuasa yang besar dalam pelaksanaan tugas masing-masing. Dikhuatiri pemberian kuasa tanpa had ini boleh menjurus kepada penyalahgunaan kuasa.

(m) Peralihan

Dalam tempoh peralihan antara sebelum dan selepas kuatkuasa Akta 672 ini, agensi negeri atau PBT atau orang yang menjalankan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam sedia ada hendaklah terus diberi kuasa selama satu tahun dari tarikh yang ditetapkan jika mereka berdaftar dengan KP dalam masa enam bulan selepas tarikh ditetapkan. Pemberikuasaan itu luput jika mereka tidak berdaftar dengan KP dalam tempoh 6 bulan tersebut. Walau bagaimanapun mereka boleh memohon lesen untuk terus mengusahakan perkhidmatan dan kemudahan sebelum tempoh pemberikuasaan tamat.

Bagi perjanjian dan perjanjian tambahan sedia ada pula, orang yang menjalankan perkhidmatan berdasarkan perjanjian dengan agensi negeri atau PBT hendaklah terus diberi kuasa selama satu tahun jika dia menyerah simpan suatu salinan perjanjian yang diperakui kepada KP dalam masa 6 bulan dari tarikh ditetapkan. Pemberikuasaan itu luput jika mereka tidak berdaftar dengan KP dalam tempoh 6 bulan tersebut. orang tersebut juga hendaklah memulakan rundingan semula perjanjian dengan segera dengan Kerajaan Persekutuan dan pihak lain kepada perjanjian supaya dapat menangani apa-apa isu kepentingan negara yang berbangkit dari tarikh ditetapkan. Sekiranya mereka gagal untuk memulakan rundingan semula perjanjian, ianya boleh dijadikan alasan untuk membatalkan pemberikuasaan atau lesen orang tersebut.

Peruntukan-peruntukan di atas menunjukkan bahawa agensi negeri, PBT dan kontraktor yang memberi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal boleh memohon lesen apabila Akta ini dikuatkuasakan. Adakah ini bermaksud, mereka boleh meneruskan perkhidmatan selepas Akta dikuatkuasakan? Bagaimana pula dengan kedudukan dengan syarikat konsesi yang telah dilantik? Siapakan yang berhak untuk memberi perkhidmatan tersebut, pemegang lesen atau syarikat konsesi yang dilantik?

(n) Isu-isu lain

Pengambilalihan bidangkuasa dari PBT kepada kerajaan persekutuan ini dikatakan akan dilaksanakan atas dasar penswastaaan yang akan diperkenalkan ke atas pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Walau bagaimanapun, berdasarkan peruntukan Akta 672, pelesenan diberikan kepada pemohon. Ini menunjukkan bahawa masih wujud elemen kawalan ke atas orang yang memberi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal berbanding dasar penswastaaan yang diwar-warkan. Sekiranya dasar penswastaaan sepenuhnya akan dijalankan, kerajaan persekutuan perlu mengambil langkah-langkah perlu untuk menjamin kepentingan awam kerana syarikat-syarikat swasta yang beroperasi tanpa kawalan mungkin lebih mementingkan keuntungan berbanding pemeliharaan alam sekitar. Bagaimanapun jika pelesenan diteruskan, kerajaan persekutuan masih perlu menyediakan sistem kawalan dan ketelusan dalam pemberian lesen bagi mengelakkan timbulnya isu-isu seperti kronisma, korupsi dan penyalahgunaan kuasa.

Sejak kerajaan persekutuan mencadangkan penswastaaan ke atas pengurusan sisa pepejal, kontrak yang ditandatangani antara kontraktor yang memberi perkhidmatan dan PBT adalah kontrak secara interim iaitu pembaharuan kontrak dari bulan ke bulan. Ini adalah kerana kerajaan persekutuan belum menetapkan tarikh dasar penswastaaan sepenuhnya akan dibuat. Kesannya, keadaan ini memberi masalah kepada kontraktor kerana tidak pasti samada kontrak mereka akan disambung. Akibatnya ada kontraktor memutuskan untuk tidak membaikpulih kenderaan yang rosak atau membuat pembelian baru bagi mengelakkan kerugian. Kontrak secara interim ini juga memberi kesan kepada tugas dan perancangan PBT kerana perancangan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam tidak boleh dilaksanakan secara baik dan efektif. Kesan keseluruhan daripada keadaan-keadaan tersebut ialah menjejaskan kepentingan awam.

Sejak Akta 672 dan Akta 673 diluluskan dan diwartakan pada 2007, Perbadanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam telah dibentuk. Namun sehingga hari ini, Akta berkenaan masih belum dikuatkuasakan. Persoalannya apakah fungsi yang dijalankan oleh Perbadanan dalam tempoh ini? Selain itu, kelulusan Akta 672 boleh menimbulkan percanggahan peruntukan dalam

beberapa akta lain seperti Akta Kerajaan Tempatan dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Sewajarnya akta-akta ini dipinda dan diselaraskan.

Saranan dan penutup

Sudah hampir tiga tahun sejak Akta 672 ini diluluskan dan diwartakan namun penguatkuasaan Akta ini masih lagi tertangguh. Alasan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan adalah masih wujud beberapa perkara berkaitan penswastaan yang masih belum selesai. Penguatkuasaan Akta perlu dilaksanakan dengan segera kerana kelewatannya akan menimbulkan masalah pentadbiran yang lebih serius. Walau bagaimanapun, untuk merealisasikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang lebih efisien dan berkesan, kerajaan persekutuan perlu mengambil langkah memperjelaskan beberapa peruntukan dalam Akta 672 yang masih samar-samar.

Rujukan

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672)

Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 673)

Laman sesawang Kementerian Prumahan dan Kerajaan Tempatan, <http://www.kpkt.gov.my>

Laman sesawang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, <http://www.sisa.my>

Hetty Helena Mohd Yusof, Pengurusan Sisa Pepejal – Apakah yang terbaik?, <http://apps.intan.my/acscm/localcase/pengurusan%2520sisa%2520pepejal2520-edited29mei-.pdf>

Bernama, Akta Pengurusan Sisa Pepejal Tidak Terpakai di Sabah dan Sarawak, <http://web6.bernama.com>

Akta Pengurusan Sisa Pepejal dilaksanakan selepas penswastaan dimuktamad, 1 April 2010, <http://www.umno-online.com>

Ucapan YB Teresa Kok, Ahli Parlimen Seputeh dalam Perbahasan Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 pada 3 Julai 2007, <http://www.dapmalaysia.org/english/2007/july07/bul/bul3343.htm>